

**Nabil Basaruddin**  
nabil.basaruddin@-  
hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**M**SM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menjangkakan pelaksanaan cukai soda seperti yang dirancang untuk minuman bergula bermula 1 Julai depan dan pengeluaran permit import (AP) akan memberi kesan negatif kepada pencapaian syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, pihaknya turut mengunjurkan pasaran ringgit akan terus lemah berbanding dolar Amerika bagi tempoh beberapa bulan berikutnya dan bertambah baik pada suku keempat tahun ini.

Beliau berkata, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran di samping pasaran yang kurang memberangsangkan, MSM akan mem-

## CUKAI SODA

# Dijangka beri kesan negatif

“

**MSM akan terus meningkatkan kepelbagaian produk, menerokai peluang untuk kerjasama komersial, melupuskan aset bukan teras dan melaksanakan inisiatif penjimatan kos”**

**Datuk Khairil Anuar Aziz**

berikan fokus kepada kepimpinan pasaran tempatan dan meluaskan jejak serantau.

“MSM akan terus me-

ingkatkan kepelbagaian produk, menerokai peluang untuk kerjasama komersial, melupuskan aset bukan teras dan melaksanakan inisiatif penjimatan kos.

“Seperti yang dijangkakan permulaan bagi tahun 2019 adalah sukar berikutan cabaran yang dihadapi dari pelbagai sudut, bukan saja kita, malah dihadapi oleh pengeluar gula seluruh dunia.

“Kami sentiasa melaksanakan pelbagai mekanismeE lindung nilai strategik bagi mengurangkan impak daripada ketidaktentuan harga dan mata wang memandangkan kos operasi MSM

bergantung kepada harga gula mentah dunia dan tukaran asing,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Prestasi MSM untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2019 terkesan berikutan harga gula yang rendah serta peningkatan 15 peratus dalam pengeluaran AP dan penurunan mendadak jumlah eksport.

Untuk tempoh dikaji, MSM, pengeluar gula bertapis terkemuka negara mencatatkan penurunan 12 peratus dalam hasil kepada RM485.62 juta berbanding RM549.06 juta dalam tempoh sama pada tahun sebelumnya.